


2010

Syarikat PC Hebat Sdn. Bhd.

KERTAS KERJA

DISEDIAKAN : ABDUL ALIM BIN NAZRI
TEKNOLOGI SISTEM KOMPUTER
NO K/P : 920112-05-5199
JANUARI-JUN



Syarikat PC Hebat Sdn. Bhd.

Syarikat PC Hebat Sdn. Bhd.
Jalan 32, Taman Permaidani 1,
72100 Bahau,
N.Sembilan.

Bank Muamalat,
405 Jalan Seri Rama,
72100 Bahau,
N.Sembilan.

15 Julai 2010

Tuan/Puan,

Memohon Pinjaman Untuk Perniagaan

Merujuk perkara di atas, saya Abdul Alim bin Nazri nombor kad pengenalan 920112-05-5199, adalah salah seorang daripada penyimpan dalam akaun simpanan Bank Muamalat Malaysia.

2. Surat ini adalah bertujuan untuk memohon pinjaman perniagaan yang akan beroperasi semula hujung tahun ini.
3. Perniagaan yang akan saya jalankan adalah perniagaan penjual dan servis pembaikan komputer yang bertempat di Jalan 32, Taman Permaidani 1, 72100 Bahau, N.Sembilan.
4. Kamimembuat pinjaman ini bagi tujuan menampung kos-kos yang terlibat bagi tujuan proses pembelian komputer serta alat-alat ganti komputer yang lain. Mengikut kiraan, syarikat kami memerlukan pinjaman wang sebanyak RM50,000.00 untuk membeli perkakasan berikut.
5. Segala keterangan berkaitan projek atau perniagaan yang saya akan jalankan beserta kos anggaran jualan dan anggaran keuntungan turut saya lampirkan bagi pihak tuan.

Segala jasa baik daripada pihak tuan adalah amat dihargai dan diucapkan jutaan terima kasih.

Yang Benar,

.....
(ABDUL ALIM BIN NAZRI)
Pengurus.

ISI KANDUNGAN

Pengenalan Syarikat	5
Tujuan Kertas Kerja	7
Latar Belakang PERNIAGAAN	9
Latar Belakang Pemilik	11
Skop PERNIAGAAN	13
Pemasaran	15
Rancangan Teknikal/Perkhidmatan	21
Rancangan Pengurusan	25
Aspek Kewangan	29
Justifikasi dan Penutup	25

PENGENALAN SYARIKAT

PENGENALAN SYARIKAT

Syarikat PC Hebat Sdn. Bhd. adalah sebuah perniagaan milikan tunggal telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Jun 2003. Perniagaan ini beroperasi di Jalan 32, Taman Permaidani 1, 72100 Bahau, N.Sembilan. Syarikat ini merupakan sebuah syarikat menjual barangan computer yang berkelayakan untuk mentauliahkan peralatan computer untuk kegunaan bersama. Di samping itu, syarikat ini turut menyediakan perkhidmatan membaik pulih computer kepada pengguna dan syarikat-syarikat yang memerlukan. Perniagaan ini telah dijalankan selama 5 tahun oleh pemiliknya. Pemilik mempunyai lebih 8 tahun pengalaman kerja di dalam bidang elektrik.

Syarikat PC Hebat Sdn. Bhd. amat berharap agar dapat turut serta menyumbang kepada perkembangan ekonomi Negara yang sedang berkembang. Syarikat ini ditubuhkan bagi menyahut seruan kerajaan untuk mewujudkan perniagaan di bawah program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Melalui pembiayaan ini, Syarikat PC Hebat Sdn. Bhd. akan turut meningkatkan prestasi perkhidmatan yang ditawarkan dengan menumpukan lebih perhatian kepada pelanggan industri dan premis perniagaan.

TUJUAN KERTAS KERJA

TUJUAN KERTAS KERJA

Tujuan kertas kerja ini disediakan adalah untuk membentangkan rancangan perniagaan Syarikat PC Hebat Sdn. Bhd. yang meliputi aspek pengurusan, pemasaran, perkhidmatan dan kewangan syarikat kepada pihak Bank Muamalat untuk mempertimbangkan permohonan pembiayaan berjumlah RM50,000.00. Tempoh pembiayaan adalah selama 5 tahun dan Syarikat PC Hebat Sdn. Bhd. turut memohon tempoh bernafas selama 3 bulan.

Pengiraan Pembiayaan :

Nilai Pembiayaan	: RM 50,000.0
Kadar Keuntungan	: 6% setahun
Keuntungan Pembiayaan	: 7%
Jumlah Pembiayaan	: RM 50,000.00
Bayaran Balik Bulanan	: RM 50.00

LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

Nama Perniagaan	: Syarikat PC Hebat Sdn. Bhd.
Alamat Berdaftar N.Sembilan.	: Jalan 32, Taman Permaidani 1, 72100 Bahau,
Alamat Kedai N.Sembilan.	: Jalan 32, Taman Permaidani 1, 72100 Bahau,
No.Telefon	: 06-4543269
No.Daftar Perniagaan	: N01254643
Tarikh Pendaftaran	: 22 Jun 2008
Aktiviti Perniagaan	: Menjual dan Membaiki Komputer
Bentuk Perniagaan	: Milikan Tunggal
Modal Permulaan	: RM 5,000.00
Bank	: Bank Muamalat 62033-0563-05612
Tarikh Tamat Lesen	: 23 Jun 2010
Nama Pemilik	: Abdul Alim Bin Nazri
No. K/P	: 920112-05-5199

LATAR BELAKANG PEMILIK

LATAR BELAKANG PEMILIK

Nama : Abdul Alim Bin Nazri
Jawatan : Pengurus
Alamat Tetap : 27, Kg. Kuala Jempol, 72100 Bahau, N. Sembilan
Telefon : 013-6370349
No.K/P : 920112-05-5199
Tarikh Lahir : 12 Januari 1992
Bangsa / Agama : Melayu/ Islam
Taraf Perkahwinan : Bujang
Pengalaman Kerja : 2003/Supervisor/Syarikat Wangsa Maju
Kursus Yang Pernah Dihadiri : Giatmara

SKOP PERNIAGAAN

SKOP PERNIAGAAN

AKTIVITI PERNIAGAAN

Di antara aktiviti perniagaan yang dijalankan ialah:

- Menjual komputer dan alat ganti
- Servis komputer dan baik pulih

PRODUK YANG DITAWARKAN

- Monitor/ Screen
- Motherboard
- Router
- Wayar
- Keyboard
- Mouse
- Modem
- Networking

POTENSI PERNIAGAAN

- Berdasarkan kepada analisa dan kajian pasaran yang dibuat, perniagaan ini mempunyai potensi yang cukup besar untuk berkembang. Perniagaan masih di tahap awal dan mempunyai potensi besar untuk berkembang di masa hadapan.
- Dengan usaha yang berterusan, syarikat ini telah mendapat tempat dalam kalangan pelanggan berdasarkan kualiti perkhidmatan yang tinggi yang ditawarkan. Lokasi perniagaan yang strategik merupakan suatu kelebihan kerana dapat dikunjungi pelanggan dengan mudah.
- Dengan penambahan modal pusingan yang lebih besar, syarikat ini akan dapat menambahkan bilangan stok fizikal dan alat ganti.
- Melalui kepelbagaian tawaran perkhidmatan dan produk yang ditawarkan, syarikat mampu memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan pada masa hadapan. Syarikat juga mampu menjadi pembekal utama di kawasan tersebut.

PEMASARAN

PEMASARAN

PERKHIDMATAN DAN HARGA YANG DITAWARKAN

PERKHIDMATAN	HARGA
Format Komputer	RM 30.00
Baik Pulih Komputer	RM 60.00-RM 750.00
Servis Pencucian Habuk	RM 50.00
Networking	RM 600.00- RM 3,000.00
Memasang Wireless	RM 20.00

KAWASAN SASARAN

- Syarikat Swasta
- Syarikat Kerajaan
- Sekolah dan Masjid
- Kedai-kedai persendirian
- Individu Pengguna
- Taman-taman perumahan
- Tempat Rekreasi

STRATEGI PEMASARAN

PROMOSI

Di antara strategi promosi syarikat ini bagi menawarkan dan memperkenalkan perkhidmatan ialah:

- Mengekalkan hubungan baik dengan pelanggan
- Memberikan profil perniagaan kepada bakal-bakal pelanggan
- Mengedarkan pamphlet dan brochure secara berkala
- Memberikan perkhidmatan yang lebih efektif

LOKASI

Lokasi perniagaan syarikat ini yang terletak di tepi jalan utama bandar Bahau merupakan lokasi yang strategic untuk perniagaan yang dijalankan. Pengguna senang untuk menjejaki lokasi tersebut dan mudah untuk pergi dan di lokasi ini juga mempunyai tempat letak kenderaan yang sempurna.

HARGA

Penetapan harga bagi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat ini adalah berpatutan, kompetitif dan mengikut kadar pasaran semasa sesuai untuk semua kaum, bangsa dan peringkat umur.

PRODUK


Produk yang ditawarkan kepada pelanggan adalah berkualiti dan setimpal dengan harga yang ditawarkan. Perniagaan yang dijalankan adalah mengikut perubahan teknologi terkini dan kehendak pelanggan agar produk dan perkhidmatan yang dijalankan sentiasa kekal kompetitif dan diterima pelanggan.

PERHUBUNGAN PELANGGAN

Syarikat ini ada membina laman web serta blog yang memudahkan pelanggan untuk mengetahui lebih lanjut tentang syarikat dan servis yang ditawarkan.

Pelanggan hanya perlu mengunjungi laman web ini

<http://www.pchebatgilakentang.com.my> . Kami juga menawarkan servis pembelian secara online dan menawarkan perkhidmatan penghantaran pos secara percuma. Selain itu, syarikat ini boleh dihubungi di talian 06-4546912



PETUNJUK

	Kolam		Taman Perumahan		Jalan Kereta Api
	Pokok		Kedai		
	Stesen Keretapi		Kilang		
	Hospital		Sungai		
	Sekolah		Golf		

RANCANGAN TEKNIKAL / PERKHIDMATAN

RANCANGAN TEKNIKAL/PERKHIDMATAN

LOKASI PREMIS

Beralamat di Jalan 32, Taman Permaidani 1, 72100 Bahau, N.Sembilan. Kedudukan berhampiran dengan arked mara dan besebelahan dengan stesen minyak Caltex. Jalan utama dihadapan kilometer 4 Jalan Persiaran Utama besebelahan dengan bangunan Tabung haji.

MAKLUMAT PREMIS PERNIAGAAN

- Alamat : Jalan 32, Taman Permaidani 1, 72100 Bahau, N.Sembilan
- Bentuk Binaan : Petak melintang
- Keluasan : 14 km² persegi
- Pemilik Premis : Majlis Daerah Jempol
- Tempoh Sewaan : 50 tahun
- Nilai Sewaan Bulanan : RM 50.00 sebulan

KEMUDAHAN ASAS

Premis ini memiliki segala kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan telefon. Premis perniagaan kami terletak di tepi jalan utama Bahau dan merupakan kawasan komersial baru di bandar ini. Pejabat kami juga mempunyai ruang kerja dan pameran yang luas dan dapat memberi keselesaan kepada para pelanggan yang datang berkunjung.

HARTA TETAP DAN PERALATAN YANG DIMILIKI

Perniagaan ini telah dijalankan secara kecil-kecilan oleh pemilik ketika mula-mula ditubuhkan. Syarikat ini memiliki beberapa buah mesin dan peralatan yang dibeli secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan perniagaan ketika itu. Aset tetap dan kelengkapan yang dimiliki oleh syarikat ini seperti jadual berikut:

BIL	PERKARA	NILAI (RM)
1	Komputer Server	5,000.00
2	Meja Tetamu	500.00
3	Almari Pameran	850.00
4	Rak Menyimpan	700.00
JUMLAH		7,050.00

HARTA TETAP DAN KELENGKAPAN YANG DIPERLUKAN

Melalui pembiayaan kewangan yang dipohon ini, syarikat ini akan membeli beberapa lagi asset dan kelengkapan tambahan yang diperlukan oleh syarikat kami seperti jadual di bawah:

BIL	PERKARA/KETERANGAN	HARGA/UNIT (RM)	JUMLAH(RM)
1	Penyaman Udara	2,000.00/2 unit	4,000.00
2	Pintu Keselamatan	500.00/1 unit	500.00
3	CCTV	300.00/3 unit	900.00
4	Tandas	2,500.00/1 unit	2,500.00
JUMLAH			7,900.00

STOK BARANGAN TAMBAHAN YANG DIPERLUKAN

Di samping harta tetap dan kelengkapan bengkel yang diperlukan, pembiayaan kewangan ini juga akan digunakan untuk membeli stok bekalan tambahan.

Anggaran keperluan bekalan tersebut adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA/KETERANGAN	HARGA/UNIT(RM)	JUMLAH(RM)
1	Televisyen LED	2,000.00/1	2,000.00
2	Kertas 1 Set	20.00/50	1,000.00
JUMLAH			3,000.00

SENARAI PEMBEKAL BARANG NIAGA

Bekalan barangan yang diperolehi oleh syarikat ini adalah daripada pembekal-pembekal yang biasa mengurus niaga dengan syarikat ini. Di antara pembekal yang membekalkan barangan keperluan adalah seperti berikut:

BIL	NAMA	JENIS BEKALAN	CARA BAYARAN
1	Computer Source Corp.	Komputer	Bank In
2	Syarikat Kertas Maju	Kertas	Bank In
3	Syarikat Buku Bejana	Buku	By Hand

ANGGARAN BELIAN

BULAN	TAHUN 1 (RM)
Januari-Mei	10,000.00
Jun-Disember	20,000.00
JUMLAH	30,000.00


RANCANGAN PENGURUSAN

RANCANGAN PENGURUSAN

STRUKTUR ORGANISASI

Struktur organisasi syarikat ini adalah merangkumi keseluruhan aspek pengurusan yang dibentuk sebagai satu entiti perniagaan. Secara keseluruhan, struktur organisasi adalah seperti berikut:

SYARIKAT PC HEBAT SDN. BHD.



FUNGSI DAN TANGGUNJAWAB

Pengurus

Pengurus terlibat dalam segala aspek pengurusan perniagaan, tetapi lebih kepada aspek pentadbiran dan kewangan perniagaan. Pengurus bertanggungjawab dalam membuat belian bekalan dan kawalan stok. Pengurus juga bertanggungjawab mengetuai kerja-kerja yang dilaksanakan oleh syarikat setiap masa.

Bahagian Pemasaran

Bertanggungjawab untuk memasarkan barangan dan produk yang dihasilkan oleh syarikat. Di samping itu, bertanggungjawab mencari pasaran baru.

Bahagian Perkhidmatan

Bahagian Perkhidmatan akan terlibat dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan yang meliputi kerja-kerja membekal, memasang dan mentauliahkan peralatan, serta membaiki dan memantau kerja-kerja pemasangan dan sebagainya.

GAJI DAN GANJARAN

Syarikat ini memberikan pakej gaji yang berpatutan kepada kakitangannya. Gaji dan ganjaran kakitangan bulanan kakitangan seperti jadual di bawah:

JAWATAN	GAJI(RM)	ELAUN(RM)	KWSP(RM)	PERKESO(RM)	JUMLAH(RM)
Pengurus	4500.00	500.00	200.00	500.00	5700.00
Penyelia	1500.00	400.00	200.00	450.00	2550.00
Kerani	900.00	400.00	200.00	350.00	1850.00
Pekerja	850.00	400.00	200.00	350.00	1800.00
JUMLAH					11900.00

PERBELANJAAN PENGURUSAN

Berikut adalah anggaran perbelanjaan pengurusan bulanan bagi syarikat ini mengikut pelan peningkatan kapasiti perniagaan:

BIL	JENIS PERBELANJAAN	JUMLAH(RM)
1	Elaun Pengurus	500.00
2	Gaji & Elaun Pekerja	4450.00
3	KWSP & PERKESO	2450.00
4	Sewa Lot Perniagaan	300.00
5	Air & Elektrik	150.00
6	Telefon & Faks	120.00
7	Alat Tulis & Belanja Pejabat	50.00
8	Perjalanan & Pengangkutan	150.00
9	Keraian & Promosi	500.00
11	Belanja Pelbagai & Kontigensi	250.00
JUMLAH		8920.00

STRATEGI PENGURUSAN

Pengurusan perniagaan dan kakitangan yang baik dan sistematik adalah kaedah yang penting dalam usaha memajukan sesuatu perniagaan. Syarikat ini telah mengatur beberapa strategi pengurusan seperti:

- a) Menerapkan semangat kerja berpasukan antara semua kakitangan tanpa mengira jawatan dan bahagian.
- b) Memberi bimbingan dan motivasi kepada kakitangan supaya dapat menunjukkan prestasi kerja yang baik serta bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan.
- c) Setiap kakitangan, sama ada pekerja bawahan atau pengurusan sentiasa berbincang dan member pendapat serta cadangan tentang pelaksanaan yang terbaik untuk menghasilkan kerja yang sistematik dan produktif.

ASPEK KEWANGAN

KOS PELABURAN PROJEK

Berdasarkan kapasiti perniagaan yang dirancang, syarikat ini telah menganggarkan kos pelaburan projek seperti jadual berikut:

BIL	PERKARA	UNIT	HARGA(RM)	JUMLAH(RM)
1	Belanja Permulaan - Kertas 1 Set - Monitor LED	50 5	20.00 350.00	1000.00 1750.00
2	Modal Pusingan - Belian Bekalan - Belanja Pengurusan - Belanja Perkhidmatan	-	-	1000.00 500.00 2000.00
3	Lain-Lain - Duit Makan	-	-	500.00
JUMLAH KESELURUHAN				6750.00

SUMBER PEMBIAYAAN PROJEK

Daripada jumlah kos pelaburan projek di atas, pecahan sumber projek yang telah dirancang adalah seperti:

BIL	PERKARA	Modal Sendiri	Pembiayaan	JUMLAH(RM)
1	Belanja Permulaan - Kertas 1 Set - Monitor LED	500.00 750.00	500.00 1000.00	1000.00 1750.00
2	Modal Pusingan - Belian Bekalan - Belanja Pengurusan - Belanja Perkhidmatan	500.00 250.00 500.00	500.0 250.00 1500.00	1000.00 500.00 2000.00
3	Lain-Lain - Duit Makan	500.00	-	500.00
JUMLAH KESELURUHAN				6750.00

Sumber kewangan yang diperlukan akan dibiayai sendiri sebanyak RM 3000.00, manakala baki sebanyak RM 3750.00 akan diperolehi daripada pihak Bank Muamalat melalui pembiayaan ini.

Syarikat PC Hebat Sdn. Bhd
Penyata Pendapatan Bagi Tempoh Berakhir 31
Disember 2010

	RM	RM	RM
Jualan			167 300
<i>Tolak:</i> Pulangan Jualan			681
			166 619
<i>Tolak:</i> Kos Jualan			
Stok 1 Januari 2010		5000	
Belian	120 000		
<i>Tolak :</i> Pulangan Belian	890		
	119 110		
Angkutan Masuk	612		
Kos Belian		119 722	
		124 722	
<i>Tolak :</i> Stok Akhir		29 1100	104 612
			62 007
Tambah Hasil :			
Komisen Diterima			1932
Diskaun Diterima			280
Peruntukan Hutang Ragu			420
			64 639
Tolak Perbelanjaan :			
Sewa		2580	
Gaji		13 200	
Insurans		2800	
Diskaun Diberi		480	
Hutang Lapuk		670	
Peruntukan Susut Nilai			
:			
Kenderaan		15 820	
Perabot		2400	
Kadar Bayaran		1400	
Kadar Faedah		400	39 750
Untung Bersih			24 889

Syarikat PC Hebat Sdn. Bhd

Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2010

	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Kenderaan		79 100	
<i>Tolak</i> : Peruntukan susut nilai		15 820	63 280
Perabot		12 000	
<i>Tolak</i> : Peruntukan susut nilai		3 300	8 700
			71 980
Aset Semasa			
Stok akhir		20 110	
Penghutang	9 000		
<i>Tolak</i> : Peruntukan hutang ragu	180	8 820	
Tunai di bank		3 810	
Sewa terdahulu		220	
		32 960	
Tolak : Liabiliti Semasa			
Pemiutang	7 000		
Kaedah Faedah terakru	400	7 400	
Modal kerja			25 560
			97 540

Syarikat PC Hebat Sdn. Bhd.

Dibiayai oleh :			
Ekuiti Pemilik			
Modal 1 Disember 2010			68 800
<i>Tambah</i> : Untung bersih			24 889
			93 689
<i>Tolak</i> : Ambilan			1 149
			92 540
Liabiliti Bukan Semasa			
Pinjaman			5 000
			97 540

JUSTIFIKASI DAN PENUTUP

JUSTIFIKASI DAN PENUTUP

Berdasarkan kepada perancangan dan unjuran pendapatan yang telah dibentangkan, syarikat ini amat berkeyakinan bahawa perniagaan yang diceburi adalah satu perniagaan yang menguntungkan dan dapat membawa pulangan yang lumayan.

Unjuran-unjuran yang dibuat untuk tahun pertama operasi selepas mendapat pembiayaan adalah konservatif kerana mengambil kira faktor perniagaan yang masih di peringkat awal pemasaran untuk dibekalkan kepada pelanggan.

Syarikat ini telah membuat kajian dan perancangan yang sistematik bagi membolehkan perniagaan ini berdaya maju dan mampu berkembang dengan lebih pesat di masa hadapan.

Adalah diharapkan semoga permohonan ini mendapat pertimbangan sewajarnya daripada pihak Bank Muamalat kerana melalui cara ini sahaja perniagaan ini dapat dikembangkan. Syarikat amat berharap agar diberikan peluang untuk turut sama menjadi sebahagian daripada Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang Berjaya di Malaysia.